

Headline	Tarif gas asli lebih tinggi mulai 1 Julai 2018		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Jun 2018	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	20,955
Page No	26	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	238 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,204
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,612



# Tarif gas asli lebih tinggi mulai 1 Julai 2018

Gas Malaysia Bhd akan menyemak semula tarif gas asli bagi sektor bukan tenaga di Semenanjung bagi tempoh dari 1 Julai, 2018 hingga 31 Disember 2018.

Pengedar gas asli itu berkata, kerajaan meluluskan semakan semula itu pada 12 Jun 2018 melalui surat daripada Suruhanjaya Tenaga.

Di bawah rangka kerja peraturan berasaskan insentif (IBR), yang menetapkan tarif asas untuk tempoh pengawalseliaan selama tiga tahun bermula Januari 2017, perubahan dalam kos gas yang akan melalui mekanisme Kos Gas Untuk Dilepaskan (GCPT) akan dibe-

narkan setiap enam bulan.

## Kos gas sebenar lebih tinggi

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia semalam, Gas Malaysia berkata, purata tarif asas gas asli ditetapkan pada RM31.92 per satu juta unit termal British (MMBtu) untuk tempoh enam bulan mulai 1 Julai hingga 31 Disember 2018, sejajar dengan pengumumannya pada 28 Disember 2016.

"Di bawah mekanisme GCPT, bayaran tambahan sebanyak RM0.77 per MMBtu akan dikenakan ke atas semua kategori tarif disebabkan kos gas sebenar yang lebih

tinggi berbanding kos rujukan gas dalam tarif asas bagi tempoh tersebut.

"Ini bermakna tarif efektif purata pada RM32.69 per MMBtu," katanya.

Pada masa ini, purata tarif asas ditetapkan pada RM30.90 per MMBtu.

Gas Malaysia berkata, walaupun semakan semula tarif itu tidak memberi impak yang ketara kepada operasi perniagaannya, dijangka menyumbang secara positif kepada kedudukan kewangannya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

**BERNAMA**

## Info

### Tarif efektif yang disemak semula selepas GCPT berdasarkan penggunaan tahunan

- **Pengguna kediaman** akan membayar RM23.80 per MMBtu.
- **Pelanggan bukan kediaman** yang menggunakan sehingga 600 MMBtu setahun akan membayar kadar tarif sebanyak RM30.50 per MMBtu.
- **Penggunaan** antara 601-5,000 MMBtu: RM30.65 per MMBtu.

- **Penggunaan** antara 5,001-50,000 MMBtu: RM30.96 per MMBtu.
- **Penggunaan** antara 50,001-200,000 MMBtu: RM32.26 per MMBtu
- **Penggunaan** antara 200,001-750,000 MMBtu: RM32.26 per MMBtu.
- **Penggunaan** melebihi 750,000 MMBtu: RM33.32 per MMBtu.